

Kerajaan timbang pelajar 'terikut2' berdemo

BH 12 MAC 1975

KUALA LUMPUR, Selasa.— Kerajaan sedang mengkaji sedalam-dalamnya mengenai pelajar-pelajar yang menjadi pak turut dalam tunjuk-tunjuk perasaan haram tempoh hari yang kononnya dipaksa oleh rakan-rakan mereka



DR. MAHATHIR

yang lebih senior.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, bagaimanapun tidak yakin mereka "terikut-ikut" kerana sebagai pelajar pilihan dari beribu-ribu calon universiti tentulah mereka dapat berfikir sendiri.

Beliau menimbulkan soal tersebut di majlis makan malam Persatuan Kejuruteraan Institut Teknologi MARA di Hilton sini malam tadi.

Katanya: "Saya sedar ramai penuntut bertanya apa hukumannya terhadap mereka yang terikut-ikut dalam tunjuk-tunjuk perasaan haram, yang mendakwa mereka dipaksa oleh rakan-rakan mereka yang lebih senior.

"Dalam perkara ini Kerajaan akan mengkaji sedalam-dalamnya.

"Bagaimanapun jika pelajar-pelajar itu yang terpilih dari beribu-ribu calon lain untuk memasuki universiti, amat sukar untuk menyakinkan saya bahawa mereka telah berikut-

ikut.

"Saya rasa tentulah mereka boleh berfikir dengan wajar dan membuat keputusan yang lebih bijak."

Dr. Mahathir menegaskan langkah menarik balik biasiswa pelajar-pelajar yang menunjukkan perasaan terpaksa dibuat kerana Kerajaan tidak boleh meringankan sebarang perbuatan yang menghalang penuntut daripada menumpukan tenaga dan usaha kepada pelajaran.

Tindakan itu juga untuk menentukan tiada halangan kepada kewajipan Kerajaan hendak memenuhi dasar ekonomi baru serta menyediakan kakitangan terlatih dan berkebolehan.

Langkah itu sebenarnya, kata beliau, akan menolong negara mempercepatkan perseimbangan kaum di kalangan orang-orang terpelajar semua peringkat serta usaha-usaha pembangunan.